

**PEMBINGKAIAN ISU-ISU PENAPISAN : POLEMIK PEMBERITAAN
INDUSTRI FILEM DI INDONESIA**

CINDENIA PUSPASARI

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

2011

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

3 JUN 2011

CINDENIA PUSPASARI
P46240

PENGHARGAAN

Sujud syukur Alhamdulillah kepada Allah SWT kerana telah memberikan kekuatan, kesihatan serta hidayah dan inayahNya sehingga atas kehendakNya penulis dapat menyelesaikan kajian ini. Shalawat dan salam kepada Rasullallah SAW yang telah menjadi pedoman bagi umatnya.

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia yang berbahagia, Dr. Wan Amizah Wan Mahmud, yang telah banyak membimbing, memberikan tunjuk ajar dan meluangkan waktu bagi membantu penulis menyelesaikan kajian ini. Terima kasih juga kepada semua pensyarah yang berbahagia, Prof. Madya Dr Asiah Sarji, Prof. Dr. Samsudin A. Rahim, Prof. Madya Dr. Faridah Ibrahim, Dr. Chang Peng Kee, Prof. Dr. Mohd Safar Hasim, Prof. Madya Dr Latiffah Pawanteh, Prof. Madya Dr Mus Chairil Samani, Dr. Normah Mustaffa dan Prof. Madya Fuziah Kartini Hassan Basri, yang telah berjasa mendidik dan mengajar selama penulis menempuh pendidikan di jabatan ini. Terima kasih juga kepada warga kerja di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tesis ini penulis persembahkan kepada ibubapa tercinta, Dewi Atmaja dan Agus T, yang tidak pernah lepas memberikan sokongan dan doa kepada penulis, serta adik beradik lelaki Chaidir Ashari, M.Hum. dan Muhammad Subuh Rezki, S.H. Teruntuk rakan sehati penulis Dr.M.Sayuti, ST.,M.Sc.Eng., terima kasih atas segala pengertian dan perhatiannya yang sangat mendukung dan memotivasi penulis untuk segera menyelesaikan tesis perjuangan ini. Ucapan terima kasih juga kepada keluarga penulis di Jakarta dan Gorontalo, Indonesia, keluarga penulis di Taman Sri Putra Royal Domain Kuala Lumpur, Malaysia, serta para sahabat yang disayangi baik di Jakarta mahupun di Malaysia. Para rakan dan kerabat di Kedutaan Besar Republik Indonesia Kuala Lumpur, Persatuan Pelajar Indonesia, organisasi *International Scientifict Conference 2011* dan *Aceh Development International Conference*, serta para AJK/AJKk Risisita II. Penulis ucapkan banyak-banyak terima kasih atas segala pengalaman saling membagi ilmu sepanjang penulis tinggal di Malaysia, ini sebagai pembelajaran untuk terus maju dalam semua aspek kehidupan. Semoga Allah SWT dapat memberikan balasan yang setimpal, baik rahmat dan karuniaNya.
Amin Ya Rabbal Alamiin.

ABSTRAK

Kajian ini meneliti pembingkai berita dalam akhbar mengenai isu-isu penapisan filem yang telah menjadi polemik pemberitaan dalam industri perfileman di Indonesia. Analisis kandungan yang dilakukan ke atas liputan media ini mengamati kepada peranan sistem penapisan di Indonesia. Tujuan kajian ini untuk menerokai makna teks dalam berita pada sesebuah peristiwa yang terjadi dalam industri perfileman. Oleh itu, akan menjadi penting bagi khalayak untuk memahami realiti dalam industri filem di Indonesia. Penelitian ini dilakukan dengan menggunakan analisis kandungan kualitatif untuk menentukan bagaimana media membingkai peristiwa dalam pembinaan tertentu. Sampel kajian ini adalah membingkai kedua-dua akhbar dalam talian iaitu *Republika* dan *Kompas*. Berdasarkan teori pembingkai, kajian ini memahami implikasi daripada kaedah yang digunakan dalam menganalisis berita. Data dianalisis menggunakan Pan & Kosicki (1993) model pembingkai yang memberikan makna terhadap teks berita sebagai elemen utama pada kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa wujud pembingkai yang berbeza pada kedua-dua akhbar mengenai isu-isu penapisan filem di Indonesia.

FRAMING OF CENSORSHIP ISSUES : THE POLEMIC OF NEWS DISCOURSE ON MOVIES INDUSTRY IN INDONESIA

ABSTRACT

This study examines the framing of newspaper on issues of film censorship which has become a polemic in public debate of the film industry in Indonesia. Content analysis was made on media coverage on the role of censorship system in Indonesia. The aim of this study to explore textual meaning of news in an events that happened in the film industry. Thus it will become important for the audience to understand the reality in the film industry in Indonesia. The study was conducted using qualitative content analysis to determine how the media framed the events in a particular construction. The sample of this study is the framing of two online newspapers, namely *Republika* and *Kompas*. Based on framing theory, these study explore the implications of the methods used in analyzing news. Data were analyzed using Pan & Kosicki (1993) framing model in giving meaning to the text of news as the main element of this study. Results from this study found that there are different framing of both newspapers on the issues of film censorship in Indonesia.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Tujuan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Kewajaran Kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.6.1 Akhbar Dalam Talian <i>Republika</i> dan <i>Kompas</i>	10
1.6.2 Pemilihan Berita Yang Dilakukan Hanya Berhubungkait Dengan Cabaran LSF dan Contoh Kes	10
1.7 Takrifan Konsep	11
1.7.1 Pembingkaian	11
1.7.2 Industri Perfileman	12
1.7.3 Polemik Pemberitaan	13
1.7.4 Penapisan Filem	13
1.7.5 Akhbar	14
1.8 Kesimpulan	15
BAB II ULASAN LITERATUR DAN TEORI	

2.1	Pengenalan	16
2.2	Latar Belakang Sejarah Industri Filem dan LSF Di Indonesia	17
	2.2.1 Perkembangan LSF Semasa Orde Baru	20
	2.2.2 Industri Filem Memasuki Era Teknologi Informasi	23
2.3	Kajian Penapisan Filem Di Peringkat Antarabangsa	25
2.4	Teori Pembingkai (<i>Framing Theory</i>)	31
	2.4.1 Teori Pembingkai Model Pan & Kosicki (1993)	34
	2.4.2 Kajian Teori Pembingkai Lainnya	39
2.5	Kesimpulan	43
BAB III	KAEDAH KAJIAN	
3.1	Pengenalan	45
3.2	Analisis Kandungan Kualitatif	46
3.3	Kaedah Pembingkai	47
3.4	Teknik Pengumpulan Data	51
3.5	Unit Analisis	54
3.6	Sumber Data	54
	3.6.1 Akhbar <i>Republika</i>	55
	3.6.2 Akhbar <i>Kompas</i>	56
3.7	Analisis dan Interpretasi Data	57
3.8	Kesimpulan	57
BAB IV	HASIL KAJIAN	
4.1	Pengenalan	59
4.2	Analisis Pembingkai Model Pan dan Kosicki (1993) Pada Akhbar Dalam Talian <i>Republika</i>	60
	4.2.1 Sintaksis	61
	4.2.2 Skrip	66
	4.2.3 Tematik	70
	4.2.4 Retorik	72

4.3	Analisis Pembingkai Model Pan dan Kosicki(1993) Pada Akhbar Dalam Talian <i>Kompas</i>	74
	4.3.1 Sintaksis	75
	4.3.2 Skrip	79
	4.3.3 Tematik	80
	4.3.4 Retorik	83
4.4	Perbandingan Pembingkai Isu Penapisan Perfileman	85
4.5	Kesimpulan	89
BAB V	RUMUSAN DAN PENUTUP	
5.1	Pengenalan	91
5.2	Penemuan Kajian	92
	5.2.1 Objektif 1 : Menenal Pasti Pembingkai Akhbar <i>Republika</i> Mengenai Isu Penapisan Dalam Industri Filem di Indonesia	92
	5.2.2 Objektif 2 : Menenal Pasti Pembingkai Akhbar <i>Kompas</i> Mengenai Isu Penapisan Dalam Industri Filem di Indonesia	93
	5.2.3 Objektif 3 : Membuat Perbandingan Ke Atas Pembingkai Kedua-dua Akhbar Dalam Talian <i>Republika</i> dan <i>Kompas</i>	94
5.3	Implikasi Kajian	95
	5.3.1 Implikasi terhadap Teori	95
	5.3.2 Implikasi terhadap Kaedah	96
5.4	Batasan Kajian	97
5.5	Cadangan Kajian akan Datang	98
5.6	Penutup	99
	RUJUKAN	100
	LAMPIRAN	
A	Liputan Berita Akhbar <i>Republika</i>	105
B	Liputan Berita Akhbar <i>Kompas</i>	118

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
2.1	Pembingkaian Model Pan & Kosicki (1993)	35
4.1	Berita Penapisan Akhbar Dalam Talian <i>Republika</i>	61
4.2	Berita Penapisan Akhbar Dalam Talian <i>Kompas</i>	75
4.3	Perbezaan Pembangkaian <i>Republika</i> dan <i>Kompas</i>	87

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
3.1	Rancangan Penyelidikan MFA Kajian	58
4.1	Q! Filem Festival Poster	83
4.2.	Pelakon Asing	84

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN

Penyampaian maklumat dalam pelbagai bentuk kepada khalayak melalui media amatlah penting. Salah satu bentuk media cetak yang lazim digunakan dalam menyampaikan maklumat melalui berita adalah akhbar. Begitu pula dengan penyampaian maklumat melalui teks dalam wujud berita pada akhbar yang disampaikan kepada khalayak. Teks pada media bukanlah ditulis hanya sekadar untuk mencatat sesuatu peristiwa, namun juga untuk menyampaikan mesej yang bermakna kepada khalayaknya. Teks dibuat tentu dengan menggunakan simbol, tanda dan gambar bagi mewakili sesebuah wacana mahupun kes tertentu. Teks sebagai hasil pembentukan daripada sesebuah realiti, kerananya tiap pernyataan dalam susunan teks tidak lepas dalam pelbagai kepentingan. Maka dalam membingkai sesebuah peristiwa ke dalam wacana berita tidak melihat teks komunikasi sebagai struktur makna yang dikategorikan secara objektif, melainkan bergantung pada tafsiran masing-masing.

Sering kali akhbar yang membuat liputan sesuatu peristiwa memilih sumber tertentu. Maka pemilihan ini bererti tidak semua berita yang disampaikan oleh pembuat berita dimasukkan seratus peratus teks sebagai mesej. Oleh itu, penyampaian maklumat melalui teks berita yang ingin disampaikan menjadi sangat penting. Teks yang ingin disampaikan mengenai sesuatu peristiwa melalui berita didapatkan daripada sumber melalui wartawan mesti ditapis, maka terjadilah pembersihan atas maklumat yang ingin disampaikan dalam berita.

Pada 1993, Zhongdang Pan dan Gerald M. Kosicki berhujah bahawa wujud pembersihan ada pada dua konsep iaitu sosiologi dan psikologi. Amadeo (2002)

pembingkaiannya dalam ilmu sosiologi yaitu mempertimbangkan makna sosial daripada sesebuah peristiwa, manakala dalam ilmu psikologi berpusat pada proses kognitif individu yang berlaku ketika memaknai sesuatu berita (Pan & Kosicki 1993:56-57, dalam Amadeo 2002). Seterusnya ini juga disokong oleh Takeshita (1997:23, dalam Amadeo 2002) pada pemikiran sosiologi, pembingkaiannya dilakukan untuk menganalisis ke atas kandungan media, apa persepsi wartawan, mengapa dan bagaimana wartawan menyampaikannya, serta pada seterusnya kajiannya juga dapat menganalisis kesan yang menonjol ke atas khalayak mahupun organisasi yang memiliki kepentingan. Pada sudut pandang pemikiran psikologi, tumpuan kajian lebih kepada pengaruh pembingkaiannya mesej pada khalayak (Takeshita 1997:23-24, dalam Amadeo 2002).

Media akhbar dapat membentuk persepsi mengenai realiti sosial dalam sesebuah masyarakat. Ini kerana sifat akhbar yang dapat mengumpul dan membentuk kecenderungan umum terhadap pelbagai isu. Begitu pula dengan wujudnya kecenderungan pihak tertentu untuk memiliki dan menguasai institusi media kerana penguasaan institusi tersebut, maka ini turut bermakna sebagai usaha menyalurkan idea para wartawan pembuat berita kepada khalayaknya. Ini juga kerana media sememangnya berinteraksi dengan para khalayaknya. Namun begitu, perlu diketahui yang pihak penerbit, para pemilik atau wakil pemilikannya sememangnya mempunyai kuasa juga untuk menentukan dasar tersebut (Severin & Tankard 2001:315).

Pengembangan media di Indonesia, datang daripada euforia demokrasi yang terjadi di Indonesia. Oleh adanya persaingan media global di dunia, di Indonesia juga wujud pelbagai konglomerasi media, termasuk juga konglomerasi media dalam industri filem, antaranya *Multivision*, *SinemaArt* dan *MD Pictures*. Kewujudan konglomerasi media ini kadang kala tidak diimbangi dengan kewujudan Lembaga Sensor Filem (LSF) sebagai kawalan terhadap kemasukan bagi media asing.

Pembentukan Lembaga Sensor Filem (LSF) Indonesia dalam pengembangan industri perfileman telah menjadi polemik yang tidak berkesudahan bagi para pembuat filem di Indonesia. Kajian ini melihat polemik pemberitaan ke atas para penggiat filem yang menganggap LSF telah mengehadkan kreativiti mereka.

Lembaga Sensor Filem (LSF) merupakan sebuah badan penapisan filem yang dibentuk oleh pemerintah Indonesia sebagai badan yang memberi kawalan ke atas perfileman di Indonesia, iaitu visi dan misinya telah ditetapkan ada dalam UU No.8 Tahun 1992 tentang dasar perfileman.

Media mempunyai pengaruh dan peranan tersendiri dalam kalangan masyarakat. Namun perdebatan yang masih hangat berlangsung dalam pengajian komunikasi adalah berhubungkait dengan persoalan apakah bentuk pengaruh media terhadap masyarakat atau khalayaknya. Perdebatan antara LSF dan para pembuat filem berhubung kait dengan persoalan apa-apa yang dipaparkan dalam akhbar telah mempengaruhi dasar dalam industri perfileman khususnya kepada sistem penapisan filem di Indonesia.

Dalam konteks negara membangun seperti Indonesia, agenda yang amat penting adalah kestabilan politik, sosial, budaya dan ekonomi. Kajian ini, ingin melihat pbingkaiian yang dilakukan oleh kedua-dua akhbar kebangsaan, *Republika* dan *Kompas* mengenai isu-isu penapisan filem yang menjadi polemik dalam pemberitaan akhbar yang bermula pada bulan Julai hingga Disember 2010. Pengamatan ini diambil kerana merebaknya pelakon asing yang digunapakai dalam industri perfileman dan LGBT (*Lesbian Gay Bisexual and Transsexual*) ini melalui filem yang menjadi cabaran bagi prestasi LSF, sebagai pengampung bangsa Indonesia.

Mengikut Furnival (1947, dalam Vickers 2004), masyarakat yang berbilang kaum atau majmuk adalah masyarakat yang mana setiap kaumnya berpegang teguh kepada kepercayaan dan agama, bahasa, budaya dan amalan adat masing-masing. Maka dalam membincangkan tentang sistem, peranan dan keadaan media di Indonesia, sewajarnya kita membincangkannya dalam konteks struktur masyarakat Indonesia yang pelbagai ini. Ini boleh menjadi kunci dalam memahami dan mendapat gambaran yang lebih luas tentang sejarah pelaksanaan sesuatu sistem media di Indonesia, khususnya dalam hal media perfileman. Ini juga telah mencorakkan aliran ekonomi, perlembagaan, mempengaruhi sistem industri dan amalan demokrasi di Indonesia.

Filem sebagai sebahagian daripada media komunikasi yang berkebolehan menggalakkan wujudnya perubahan ke atas masyarakat. Pernyataan ini menjelaskan bahawa proses awal daripada perubahan masyarakat adalah bersumber daripada komunikasi. Maka, menerusi komunikasi inilah lahir pendapat, idea, keyakinan dan budaya yang dapat disebarluaskan (Taneko 1994:139). Kandungan filem merupakan mesej yang mempunyai kuasa mempengaruhi dan mendesak pendapat yang membuat berlakunya perubahan di dalam masyarakat, baik perubahan pada dunia sosial mahupun budaya. Pemerintah memandang filem sebagai media komunikasi massa yang mempunyai peranan penting dalam pengembangan budaya bangsa. Sesebuah media massa yang mampu berkomunikasi dengan banyak khalayak dalam masa yang bersamaan. Filem, sebagai media komunikasi massa, mampu menjadi pemangkin sekaligus agen dalam pengembangan budaya bangsa, maka filem perlu dibina dan dikembangkan demi mempertahankan budaya bangsa.

Di tengah-tengah pembelajaran demokrasi negeri Indonesia, terdapat filem-filem yang berkualiti dan masih mempertahankan ideologi bangsa. Kajian ini memberi contoh seperti filem wayang dan sinetron “Kiamat Sudah Dekat” (KSD) arahan Dedy Mizwar; filem “Gie”, salah satu filem yang mempertahankan ideologi kalangan pelajar yang mengkritik pemerintah pada masa Soeharto, arahan Riri Reza; filem “Marsinah”, filem yang membuka tabir sejarah atas kuasa pihak tentera, arahan Slamet Raharjo.

Namun kewujudan Lembaga Sensor Film (LSF) kini masih dirasai kurang memberikan manfaat bagi membaiki moral kehidupan bangsa, maka sebahagian aktiviti yang dilakukan LSF belum begitu berkesan. Masih banyak masa dihabiskan untuk menapis terlebih dahulu filem yang telah ditayangkan di masyarakat, dan masih banyak filem lucu dan keganasan dikesan. Din Syamsudin (2008) mengatakan, bahawa apabila industri perfileman Indonesia mahu berjaya menjalankan peranan pendidikannya dengan jaya, tanpa merosak moral, sepatutnya undang-undang untuk memperketat penapisan filem dan tayangan televisyen digalakkan. Menurutnya, Indonesia yang sedang mengalami perubahan situasi politik dan ekonomi telah membuat masyarakatnya mudah kehilangan arah dalam mengambil keputusan, khususnya dalam kes tuntutan sekelompok penggiat perfileman terhadap pembubaran

LSF. Ini membabitkan masyarakat menjadi bertindak cepat apabila melihat prestasi sebuah lembaga tidak efektif, tanpa memikirkan akibat yang akan timbulkan selepas itu. Oleh sebab itu, yang diperlukan adalah klasifikasi penontonan filem yang sesuai dengan umur dan kepentingannya (*interest*).

Inilah yang terjadi dalam industri filem di Indonesia dalam era globalisasi, yang mana para penggiat filem menginginkan perubahan ke atas para penapis filem (LSF) menjadikan LSF sesebuah badan klasifikasi filem. Ini kerana penapisan dianggap telah menjadi sesuatu propaganda dan kuasa daripada pemerintah Indonesia dalam mengawal mediana. Penapisan juga dikategorikan sebagai potong-memotong kreativiti para pembuat filem, manakala apabila klasifikasi filem tiada unsur potong memotong kreativiti para pembuat filem. Ini yang menjadi perdebatan antara para penggiat filem dengan penapis filem. Maka isu ini telah menjadi polemik bagi masyarakat Indonesia yang mengambil berat mengenai industri filem di Indonesia kerana telah menimbulkan pro dan kontra. Namun kajian ini hanya melihat ke atas peningkatan teks media mengenai bagaimana perdebatan yang telah menjadi polemik tiap isu-isu penapisan di Indonesia ini dibentuk dan dibingkai oleh kedua-dua akhbar kebangsaan, antara *Republika* dan *Kompas*.

Kajian ini melakukan pengamatan terhadap isu-isu penapisan dalam industri perfileman yang dilaporkan dalam akhbar, terutamanya dari kedua-dua akhbar yang berbeza ideologi, iaitu *Republika* dan *Kompas*. Ini akan kelihatan apakah setiap berita yang diterbitkan oleh akhbar mempunyai nilai dan perhubungan yang rapat dengan institusi politik, ekonomi, sosial dan kuasa golongan tertentu dalam sesebuah masyarakat. Maka pertimbangan inilah yang sepatutnya akan diberikan perhatian oleh para pemilik akhbar sebelum menerbitkan sesuatu berita. Malahan pertimbangan sebegini akan menentukan corak dan isi kandungan sesuatu media tersebut (Ball-Rokeach & Cantor 1986).

1.2. PERMASALAHAN KAJIAN

Pengembangan isu sesebuah peristiwa di masyarakat tentu tidaklah lepas daripada sesebuah persepsi atas peningkatan yang dibuat oleh media. Fungsi dan peran

media, sangatlah penting utamanya dalam memberikan maklumat yang diperlukan setiap saat. Malahan keberadaan fungsi media pun boleh membentuk suatu pentafsiran media untuk mempengaruhi perilaku dan sikap masyarakat. Maka isu-isu yang dibuat dan dituliskan di media massa, dibentuk dari suatu masalah yang diangkat dan disebarluaskan oleh media dalam bentuk berita dengan pelbagai macam tampilan. Apabila isu tersebut memiliki perkembangan yang cukup pesat, maka media pun akan mengagendakan berita tersebut terus-menerus ke atas masyarakat dan menjadi konsumsi rutin bagi publik untuk masa tenggang tertentu.

Isu penapisan ini merupakan cabaran bagi pemerintah untuk terus menapis pembuatan filem bagi memantapkan program pembinaan negara bangsa dan jati diri. Pemerintah mewujudkan peraturan dan penapisan sebagai alat kawalan ataupun mengurangkan ancaman kepada pemerintah dan budaya tempatan, walaupun dasar-dasar itu akan menodai nilai estetika daripada filem yang dibuat. *“Regulation and censorship were tools to control or reduce such threat. However, with such policy it tarnishes the aesthetic value of a film”* (Wan Amizah WM, Chang Peng Kee & Jamaluddin Aziz 2009).

Di sinilah peranan media dalam menyampaikan mesej yang disampaikan ke dalam berita, dan daripada proses menyampaikan inilah peristiwa polemik tersebut dapat dilihat. Berita mengenai polemik dalam perfileman yang terjadi pada masa itu menjadi menarik dan mempunyai makna bagi khalayak, yang mana menimbulkan persepsi khalayak sesuai dengan pembingkaiannya yang ingin dibentuk oleh media. Mengetahui makna teks pada sesebuah peristiwa yang terjadi dalam industri perfileman ini, maka akan menjadi sesuatu yang penting bagi khalayak dalam memahami suatu realiti yang terjadi dalam industri perfileman di Indonesia dan untuk dikaji lebih mendalam. Ini disebabkan filem merupakan media komunikasi massa yang menjadi pemangkin sekaligus agen dalam pengembangan budaya bangsa.

Pembingkaiannya media yang digunakan adalah sebagai sebuah cara untuk penyusunan agenda tingkat kedua. Struktur dalam pembingkaiannya media merupakan cara-cara yang dapat membatasi bagaimana khalayak menafsirkan kejadian tersebut. (Littlejohn & Foss 2008:416). Pembingkaiannya juga merupakan pendekatan untuk

mengetahui bagaimana perspektif atau cara pandang yang digunakan oleh wartawan ketika memilih isu dan menulis berita. Cara pandang yang pada akhirnya menentukan fakta-fakta apa yang diambil, bagian mana yang ditonjolkan dan dihilangkan, dan seterusnya hendak dibawa ke mana berita tersebut (Eriyanto 2002:68).

Memandangkan kajian ini untuk mengetahui bagaimana realiti dalam industri perfileman di Indonesia dibingkai oleh media, iaitu penelitian khusus kepada hubungan antara akhbar sebagai institusi budaya, institusi masyarakat, institusi politik dan kesannya terhadap bentuk pelaporan akhbar tersebut. Persoalannya, adakah akhbar ini hanya memberikan peluang kepada pemerintah atau golongan elit perfileman ke atas masyarakat untuk menyatakan pandangan mereka terhadap isu-isu yang ditonjolkan dalam akhbar tersebut? Dalam erti kata lain pandangan siapakah yang diutamakan oleh akhbar ini dalam laporan mereka yang berkait dengan isu polemik ini? Kajian ini khusus melihat bagaimana pemaparan berita yang menjadi polemik dalam isu penapisan ke atas industri filem di Indonesia. Kebanyakan para pembuat filem merasa kewujudan LSF sebagai badan penapisan yang hanya mengekang kreativiti mereka menjadi terhad. Isu penapisan ini pun menjadi persoalan sosial manakala acara festival filem antarabangsa bertemakan Q! File ini tayang. Q! Filem ini adalah kumpulan filem yang mengisahkan mengenai isu-isu LGBT yang tersingkirkan secara sosial dan budaya. Ini menjadi ironi, kerana filem Q! tanpa melalui LSF boleh berlangsung di negara yang kebanyakan agama islam.

Fakta daripada sesebuah peristiwa merupakan pembentukan realiti. Realiti media akhbar yang disiarkan ada kerana pandangan daripada pemikiran subjektif wartawan. Realiti yang diciptakan melalui pembentukan, sudut pandang tertentu daripada wartawan. Realiti pun boleh berbeza tafsiran, bergantung pada bagaimana konsep realiti yang difahami secara subjektif oleh wartawan (Eriyanto 2002:19).

Kajian ini memfokuskan bagi mengetahui bagaimana kedua-dua akhbar boleh membangun dan membingkai isu-isu penapisan ini menjadi sesebuah berita. Dengan melihat bagaimana persepsi awam terhadap pemberitaan mengenai isu penapisan? Ini juga menjadi penting untuk dikaji kerana filem boleh mempengaruhi minda seseorang dalam kesan ke atas tingkah laku, maka media menjadi penting dirasai untuk

memberikan pemberitaan yang lebih membangun mengenai industri filem yang juga dapat dikatakan boleh mampu mewakili realiti baik dari sudut pandang sosial, politik, budaya mahupun ekonomi.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimana media massa menyajikan peristiwa tertentu bagi memenuhi keperluan maklumat khalayak, khususnya dalam mengangkat isu polemik yang terjadi antara LSF yang secara kritis ke atas penapisan mahupun pembuat filem dan cabaran bagi pemain industri filem di Indonesia untuk membuat filem yang tetap dikawal bagi memantapkan budaya dan jati diri bangsa Indonesia. Clifford (2009) mengatakan bahawa, dalam pemerintah yang demokrasi, pemerintah tidak akan pernah berlaku secara betul-betul, begitu pun dengan perkara penapisan yang tidak akan pernah lepas. Sebagaimana diungkapkannya dalam buku *Media Ethics : cases and moral reasoning*,

....the great paradox of democratic theory : Liberty can never be absolute; censorship can never be absent. Liberty requires constraints at every level- speech, sex, movement, health care, business, religious practice-in order for people to create an ordered society.. (Clifford et al. 2009:301).

Ini menjadi salah satu sebab, mengapa perfileman memerlukan perhatian khusus, apatah lagi dalam proses demokrasi di Indonesia. Tujuan kajian ini juga sebagai ruang lingkup kajian yang cuba memfokuskan pengembangan pemberitaan industri perfileman di Indonesia. Manakala cabaran LSF menjadi besar ketika isu LGBT melalui filem yang ditayangkan semasa berlangsungnya *International Festival Film* pada bulan September hingga 3 Oktober 2010. Penapisan filem sebagai institusi yang kritikal dalam menapis penayangan di Indonesia diharap dapat membawa kemajuan yang lebih bererti bagi industri perfileman di Indonesia.

Menurut Asiah Sarji dan Wan Amizah Wan Mahmud (2010), cabaran kepada bahagian kawalan filem bukan saja menghadapi kesukaran untuk mengesankan sumber kandungan dan jenis kandungan yang dipaparkan, tetapi cabaran masa apabila

pergerakan pengedaran itu berlaku secara sangat cepat, terutama apabila terdapat kemudahan yang disediakan oleh teknologi baru untuk menambah saluran-saluran televisyen secara digital dan maya yang menyediakan tempat berkarya filem yang mempunyai akses khalayak yang tinggi. Kajian ini juga mahu mengetahui dan menerokai polemik pemberitaan dalam kandungan mesej yang disampaikan media khususnya akhbar, antara para pembuat filem sama ada lembaga penapisan filem yang merupakan cabaran kepada industri filem di Indonesia.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menenal pasti pumbingkaian akhbar *Republika* mengenai isu penapisan dalam industri filem di Indonesia
2. Menenal pasti pumbingkaian akhbar *Kompas* mengenai isu penapisan dalam industri filem di Indonesia
3. Membuat perbandingan ke atas pumbingkaian kedua-dua akhbar tersebut.

1.5 KEWAJARAN KAJIAN

Kajian ini wajar dijalankan memandang impak globalisasi terhadap filem-filem Indonesia telah menjadi unsur penting dalam industri perfileman di Indonesia, baik daripada segi proses mahupun cerita yang dipertontonkan kepada khalayak. Dapatan yang diperolehi daripada hasil kajian akan dapat memberi gambaran jelas mengenai bagaimana pemberitaan tentang industri perfileman dan seterusnya contoh kebebasan para pembuat filem dihubung kaitkan sebagai proses era keterbukaan pada masa globalisasi ini disampaikan melalui proses pumbingkaian terhadap berita yang disampaikan. Seterusnya kajian ini mengamati media dalam membuat berita, juga dapat menggunakan simbol-simbol dalam gambar yang diperlihatkan untuk mendedahkan sesuatu peristiwa, yang mana pada akhirnya akan menentukan gambaran imej yang terbentuk dalam minda khalayak mengenai sesuatu peristiwa yang menjadi makna. Maka daripada pemberitaan tersebut akan dilihat dan ditafsirkan oleh khalayak bagaimana kewujudan LSF sebagai penjaga budaya bangsa menguasai penapisan terhadap filem-filem tentunya semata untuk menghindari akibat daripada

adanya penyebaran propaganda asing melalui filem untuk mempertahankan karakter budaya dan jati diri bangsa, tanpa harus mematikan kreativiti para pembuat filem untuk membuat filem yang lebih baik.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini melihat ke atas fenomena industri perfileman Indonesia, dengan wacana berita yang terdapat dalam perbandingan dua akhbar dalam talian iaitu *Republika* dan *Kompas*. Kandungan berita akan menerokai bagaimana polemik yang terjadi antara LSF dan pembuat filem, dan memfokuskan pada kandungan wacana yang akan dianalisis teks pada kedua-dua akhbar.

1.6.1 Akhbar Dalam Talian *Republika* dan *Kompas*

Akhbar-akhbar harian ini dipilih kerana kedua-dua akhbar harian ini memiliki kadar pembacaan yang paling tinggi dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, ia akan memberikan kelebihan dalam mengkaji, menganalisis dan menilai perkaitan antara makna teks yang disampaikan dan juga penyusupan idea golongan dominan masyarakat melalui akhbar tersebut.

1.6.2 Pemilihan Berita Yang Dilakukan Hanya Berhubungkait Dengan Cabaran LSF dan Contoh Kes

Dalam kajian ini, hanya berita-berita yang berhubung kaitan dengan isu-isu penapisan filem saja yang dianalisis, khususnya pada berita-berita utama. Berita yang dipilih adalah berita yang diterbitkan dari bulan 1 Julai hingga 31 Disember 2010, iaitu selama 6 bulan. Pada bulan September hingga 3 Oktober 2010, berlangsung acara festival filem antarabangsa di Jakarta, yang memaparkan banyak polemik berita di kedua-dua akhbar. Pemerhatian dilakukan pada setiap hari, melihat kepada pemberitaan mengenai isu penapisan iaitu 3 bulan sebelum dan 3 bulan sesudah acara festival filem antarabangsa dijalankan. Ini memberikan peluang kepada kajian ini untuk meneliti isu-isu perfileman yang muncul dan menjadi polemik antara LSF dan sekelompok penggiat perfileman di Indonesia. Walaupun berita yang didapati dipilih

lagi menjadi kumpulan berita yang memaparkan draf berita ke atas isu-isu penapisan filem, maka didapati setiap bulan pada satu berita utama saja yang menjadi analisis kajian ini.

1.7 TAKRIFAN KONSEP

Takrifan konsep kajian ini adalah memberi makna kepada sesuatu konsep daripada tema kajian.

1.7.1 Pembingkaiian

Pembingkaiian berhubung kaitan dengan penentuan agenda, namun ianya diperluas lagi kajiannya dengan berfokus pada inti pati penanganan masalah yang lebih baik berbanding hanya sekadar mengangkat topik tertentu. Pembingkaiian memiliki peranan untuk mengatur atau memberi makna pada struktur sosial di dalam masyarakat. Pembingkaiian dapat mempengaruhi persepsi penonton pada suatu berita. Berbeza daripada agenda-setting, pembingkaiian ini tidak hanya untuk mengetahui apa yang harus difikirkan oleh khalayak, tetapi juga membentuk khalayak untuk berfikir tentang suatu hal. Inilah yang di hujah oleh Baran & Davis (2003, dalam Chang Peng Kee, Fauziah Ahmad & Wan Amizah Wan Mahmud 2009) “*.framing theory explains how to think about by the audience...*”.

Pada analisis pembingkaiian ini biasanya wartawan akan mengangkat topik daripada isu yang mengembang di masyarakat dan menjadi polemik. Seterusnya wartawan menggunakan kaedah pembingkaiian dalam menyatakan teks dalam berita. Kaedah pembingkaiian ini tentu memiliki tujuan untuk mempengaruhi pandangan atau persepsi masyarakat daripada suatu wacana tertentu. Menurut Fairhurst & Sarr (1996, dalam Deetz, Tracy & Simpson 2000) pembingkaiian dikategorikan menjadi tiga unsur antaranya bahasa, idea dan berfikir lebih dahulu (*forethought*). Mengetahui teks bahasa yang digunakan dalam menyampaikan maklumat melalui berita akan mengubah cara pandang khalayak terhadap suatu situasi. Melalui bahasa, seseorang mesti memiliki pemikiran daripada sudut pandangannya sendiri mahupun melihat daripada sudut pandang orang lain (dalam Deetz, Tracy & Simpson 2000).

Maka dalam kajian ini dapat dikatakan bahawa pemingkalian merupakan cara bagaimana media mengemaskan sesuatu maklumat dalam berita untuk disampaikan kepada khalayak, juga untuk mengetahui makna yang disampaikan di sebalik makna dalam teks media.

1.7.2 Industri Perfileman

Menurut Michaels (2004) definisi industri dikatakan:

Defining the scope of an industry includes a description of what is to be included in the industry, and what is not. Industry scope needs to be defined in terms of what products and services are included, what buyer types are included, and what geographical areas of the world are included.

Skop industri yang dinyatakan oleh pakar ekonomi terkenal, Michaels (2004), setidak-tidaknya menyedarkan kita tentang produk dan perkhidmatan filem dalam konteks yang lebih luas termasuklah kedudukan geografi.

Manakala menurut UU No.8 Tahun 1992, filem adalah karya cipta seni dan budaya yang merupakan media komunikasi massa pandang-dengar yang dibuat berdasarkan asas sinematografi dengan dirakam pada pita seluloid, cakera video, piringan video, dan/atau bahan hasil penemuan teknologi lainnya dalam segala bentuk, jenis, dan ukuran melalui proses kimia, proses elektronik, atau proses lainnya, dengan atau tanpa suara, yang dapat dipertunjukkan dan/atau ditayangkan dengan sistem projektor mekanik, elektronik, dan/atau lainnya.

Maka industri perfileman boleh dimaksudkan kepada seluruh aktiviti yang berhubungan dengan pembuatan, jasa teknik, pengeksportan, pengimportan, pengedaran, pertunjukan, dan/atau penayangan filem yang dilakukan para penggiat filem.

1.7.3 Polemik Pemberitaan

Polemik merupakan perbincangan dengan rencana atau tulisan dalam akhbar, majalah dan lainnya yang mewujudkan perbincangan yang sihat mengenai keilmuan ataupun isu semasa di kalangan cerdik pandai dalam membahaskan sesuatu isu semasa. Menurut Foucault (1984, dalam Rabinow 1997) polemik biasanya menentukan titik yang berwujud dogma, prinsip fundamental dan ada kerana musuh telah mengabaikan, diabaikan atau melanggar, dan tidak dapat menerima kesalahan seterusnya menjadi kes terus menerus yang dikembangkan media. Polemik mendefinisikan aliansi, menggabungkan penyokong suatu kelompok, mempersatukan kepentingan atau pendapat, menetapkan yang lain sebagai penentang.

Manakala pemberitaan merupakan liputan kajian yang bersifat objektif yang berlaku, yang dilaporkan berdasarkan nilai-nilai berita. Oleh itu, pembentukan realiti termasuk ke dalam tafsiran media, seperti wartawan, *media owner*, editor (Mus Chairil Samani 1992). Maka polemik pemberitaan ini dapat dihubungkan kaitkan definisinya menjadi wacana perdebatan yang diliputi sesebuah kes yang kajiannya seterusnya dijadikan berita, yang selalunya menimbulkan kesan sama ada baik mahupun buruk ke atas pandangan publik yang berterusan menjadi liputan dalam media.

1.7.4. Penapisan Filem

Penapisan filem diumpamakan sebagai pengaturan yang luas terhadap sesebuah kreativiti yang dibuat sebagai reaksi kerisauan ke atas kemodenan hidup (Grieverson 2004:348). Grieverson (2004) juga menambahkan, pemeriksaan yang dibuat terhadap bahan terbitan mahupun tayangan, dengan tujuan untuk menghalang penyebaran atau pengeluaran bahan yang boleh dikira sebagai tidak bermoral, lucu, cabul atau membahayakan keselamatan; biasanya berperanan untuk mengawal dan mengenal pasti semua bahan-bahan terbitan yang dibawa masuk ke negara ini, sama ada untuk dijual, diedarkan, dipamerkan atau untuk kegunaan sendiri, adalah betul dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar negara serta tidak menimbulkan kegelisahan dan kekeliruan di kalangan orang ramai.

LSF merupakan badan yang ditugaskan pemerintah Indonesia untuk menapis kandungan rakaman untuk filem dan video untuk ditayangkan di Indonesia. Badan yang mengurus penapisan filem di Indonesia semula sudah wujud ada sejak masa kolonial Belanda, pada 1926 dibawah akta perfileman *Film Ordonnantie 1925 / Staadblad* No.477. Pada 1951 lembaga ini dinamakan Badan Pemeriksaan Filem yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan, Pengajaran dan Kebudayaan (UU No.23/1951). Badan penapisan ini mengganti nama menjadi Lembaga Sensor Filem (LSF) yang diatur dalam Peraturan Pemerintah Nombor 7 Tahun 1994 dan ditubuhkan di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pariwisata dengan menetapkan dasar-dasar perfileman (UU No.8/1992) yang bertujuan guna menjaga keselamatan negara dan keselarasan kaum serta melindungi kepentingan negara dan rakyat daripada pengaruh buruk dan unsur-unsur negatif yang dipaparkan dalam sesetengah filem. LSF juga merupakan sesebuah badan yang bertanggungjawab mengelakkan filem-filem yang hendak memasuki pasaran industri filem Indonesia mengikut kesesuaian dengan masyarakatnya.

Maka penapisan filem di sini boleh dimaksudkan kepada proses pemilihan mesej yang disampaikan melalui setiap adegan dalam filem, iaitu dengan cara memotong adegan-adegan bagi kawalan keselamatan sesebuah bangsa.

1.7.5. Akhbar

Akhbar menyiarkan pelbagai judul berita setiap hari. Berita-berita ini daripada berbentuk pentadbiran pemerintah sampai kepada kehidupan peribadi seseorang individu dapat diperoleh dalam berita akhbar. Sumbernya biasa dibahagikan kepada sumber terpilih dan sumber pilihan. Sumber terpilih biasanya berkait rapat dengan kuasa yang dimiliki oleh sumber berita itu. Menurut pendapat Gans (1980, dalam Mus Chairil Samani 1992) berita mungkin saja mempunyai kepentingan dalam politik, sosial, ekonomi dan budaya. Maka kajian ini memberi makna pada konsep berita iaitu teks yang disiarkan secara bermakna mengenai peristiwa sebagai mesej daripada wujudnya kepentingan yang ingin disampaikan kepada khalayaknya melalui sesebuah alat media.

1.8 KESIMPULAN

Kajian ini memberikan penjelasan bahawa penelitian ini dirasai perlu dikaji kerana telah menjadi polemik antara pihak pemerintah iaitu LSF sebagai lembaga yang kritikal terhadap kebebasan filem yang telah menjadi perdebatan masyarakat di Indonesia. Manakala para penggiat filem di Indonesia merasa dikekang kreativiti mereka dalam mengungkapkan kebebasan berkarya mereka. Maka ada yang memihak dan tiada memihak dalam menanggapi permasalahan yang terjadi di industri perfileman Indonesia saat ini, yang mana pemingkaian berita ini dapat dilihat dalam setiap draf berita yang disampaikan melalui kedua akhbar dalam talian yang berbeza iaitu *Republika* dan *Kompas*.

BAB V

RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Berdasarkan analisis yang telah diuraikan pada bab sebelumnya, dapat disimpulkan bahawa dalam pemberitaan perfileman di Indonesia, *Republika* bersikap memihak ke atas pemerintah dan malahan membangun pandangan pemerintah untuk lebih mementingkan perlunya kewujudan penapisan dalam industri perfileman. Akhbar dalam talian *Republika* didapati tidak memberikan tempat bagi para pembuat filem mahupun pihak-pihak yang berkenaan ke atas isu-isu penapisan. *Republika* juga lebih memberikan pemecahan terhadap persoalan yang sudah terjadi dalam polemik pemberitaan. Maka ini menjadi cabaran bagi sistem penapisan di Indonesia melalui filem yang kontroversi pada saat itu yang diberi makna adanya petunjuk untuk membawa bangsa Indonesia menuju kerosakan moral.

Kompas bersikap tidak berpihak ke atas pemerintah mahupun mana-mana hujahan, walaupun secara analisis kritikal daripada wartawan selalu mencuba mengangkat masalah yang sebenar dan memberi pandangan yang dirasai lebih mementingkan bagi mereka yang dipinggirkan pandangannya dan menjadi minoriti. *Kompas* juga selalu melihat isu ini daripada alasan kepentingan kemanusiaannya. Manakala dari sudut pandang pegawai tinggi negara, *Kompas* banyak mengambil berita yang sama daripada akhbar lain. Hal ini memberi kesan neutral kepada imej *Kompas* yang di sebalik pendapatnya yang kritikal dan analisisnya tetap menyokong berita sama ada kesan berpihak juga ke atas pemerintah. Maka analisis yang sebenar daripada kritikal wartawan *Kompas* hanya menjadi bentuk tanggungjawab dalam mengangkat isu-isu dalam perfileman untuk lebih melihat kepada sudut pandang yang berbeza, iaitu sudut pandang yang logik tanpa menekankan sudut pandang agama.

Isu mengenai filem Q! pada masa pengamatan kajian ini menjadi cabaran ke atas sistem penapisan filem di Indonesia dalam memperlihatkan kelemahan daripada

sistem penapisan tersebut. Filem Q! yang telah ditayangkan tanpa adanya izin daripada lembaga penapisan, yang merupakan badan kuasa pemerintah, seharusnya menjadi pengampang bagi kemasukan budaya, apabila filem tersebut jelas tidak berkenaan dengan identiti budaya masyarakat Indonesia. Maka dilihat daripada kajian budaya, filem tersebut telah membuat pergeseran budaya bangsa Indonesia, yang tidak lagi sesuai dengan budaya masyarakat Indonesia di Asia. Penapisan filem di Indonesia menjadi diperlukan kerana menjadi satu kawalan pemerintah ke atas industri filem sebagai kehendak daripada masyarakat Indonesia sendiri.

Berdasarkan dapatan kajian, jelas bahawa kajian ini menyokong beberapa kajian terdahulu yang menyebutkan pentingnya peranan penapisan ke atas filem sebagai pengampang yang mengawal identiti budaya tempatan yang dipengaruhi oleh budaya global. Ini kerana filem dapat memotivasikan pemikiran dan tingkah laku penonton, yang dipercayai boleh memberikan perhatian yang cukup tinggi dan mudah dirakam dalam minda. Ini tentu dapat merisaukan dan berpotensi membawa penyuburan ke atas tingkah laku individu apabila tidak ada pemilihan yang baik ke atas filem tersebut. Kajian ke atas filem Indonesia diakui masih kurang untuk diberitakan secara luas. Oleh itu, kajian seperti pemberitaan polemik ke atas isu-isu penapisan filem Indonesia dan industri perfileman Indonesia lain amatlah disarankan.

5.2 PENEMUAN KAJIAN

Pada penemuan kajian, ini telah berjaya menerapkan teori pembingkai dengan struktur model Pan & Kosicki (1993), sebagai tahap untuk menganalisis data dan memperoleh jawapan daripada objektif kajian.

5.2.3 Mengenal Pasti Pembingkai Akhbar *Republika* Mengenai Isu Penapisan Dalam Industri Filem di Indonesia

Hasil kajian mendapati bahawa berita-berita yang menjadi data daripada kajian ini saling berhubungkait. Ini telah dipaparkan ke dalam huraian berita-berita yang melihat kepada unit analisis daripada draf berita yang didapati. *Republika*

menonjolkan setiap berita yang disiarkan sebelumnya selalu berhubungkait dengan berita yang disiarkan seterusnya. *Republika* juga, dalam menanggapi isu-isu penapisan yang sedang ditonjolkan pada masa itu lebih melihat ke atas prestasi lembaga penapisan filem. *Republika* pun lebih unggul dalam memberi makna secara positif para sumber daripada penguasa (dalam hal ini pegawai tinggi negara), dalam menganalisis bahkan bersifat pembujukan ke atas perbaikan pentingnya peranan penapisan iaitu LSF sebagai bahagian daripada pengampang media filem.

Pada *Republika*, keempat-empat struktur yang menjadi unit analisis kajian ini telah memaparkan pementakan akhbar *Republika* secara cergas dan unggul dalam menganalisis isu-isu penapisan dan perfileman yang terjadi di Indonesia. Struktur sintaksis, skrip dan tematik pada *Republika* dirasai unggul baik dalam menganalisis mahupun menginterpretasikan data. Ini memberi makna bahawa *Republika* memiliki perhatian serius ke atas persoalan yang membabitkan prestasi penapisan filem di Indonesia. Maka boleh dikatakan pada akhbar *Republika* lebih berjaya dalam menerapkan teori dan menganalisis dengan menggunakan model pementakan Pan & Kosicki (1993).

5.2.4 Mengenal Pasti Pementakan Akhbar *Kompas* Mengenai Isu Penapisan Dalam Industri Filem di Indonesia

Pada akhbar dalam talian *Kompas* mempunyai keunggulan dalam membangkitkan wacana yang lebih kritikal ke atas contoh-contoh kes, tanpa banyak berhujah kepada dasar permasalahan dalam polemik penapisan. Akhbar dalam talian *Kompas* menonjolkan setiap berita yang disiarkan, walaupun tidak secara langsung *Kompas* memaparkan ke atas prestasi lembaga penapisan filem. *Kompas* juga lebih berani memaparkan gambar yang lebih mencabar, bahkan membincangkan kepada isu-isu utama yang dipersoalkan. Dalam berita yang sama, *Kompas* semakin banyak mengambil dan memasukkan gambar yang berbeza daripada *Republika* dalam pemberitaannya. Ini untuk mendapatkan kesan daripada khalayak mengenai berita yang disampaikan, yang mensiratkan makna bahawa hujahannya terhadap masalah prestasi penapisan dan contoh kesnya yang menjadi kontra di masyarakat dirasai

sudah sesuai dengan tanggungjawabnya apabila dihubungkan dengan keseluruhan berita yang disampaikan.

Pada *Kompas*, keempat-empat struktur model pembingkai Pan & Kosicki (1993), yang menjadi unit analisis kajian ini telah memaparkan pembingkai ke atas akhbar *Kompas*. Akhbar *Kompas* dikatakan unggul secara kritikal pada struktur retorik. Ini kelihatan saat wartawan menyampaikan isu-isu dalam industri perfileman yang terjadi di Indonesia. Melalui pengamatan pada unsur grafik, ini dapat dilihat pada gambar-gambar yang mentafsirkan makna imej disebalik gambar yang ditonjolkan. Namun akhbar *Kompas* tiada memberikan hujahan dari sudut pandang mengenai isu penapisan filem yang terbabit. Ini memberi makna bahawa *Kompas* tiada mengambil berat persoalan yang membabitkan prestasi penapisan filem di Indonesia. Malahan sikap neutral seperti yang diujahkan dalam struktur retorik banyak memberikan makna dan melihat secara kritikal dari sudut pandang lain mengenai kes yang terjadi dalam industri filem.

5.2.5 Membuat Perbandingan Ke atas Pembingkai Kedua-dua Akhbar Dalam Talian *Republika* dan *Kompas*

Pada objektif ketiga ini, akhbar dalam talian *Republika* dan *Kompas* didapati ada pembingkai ke atas berita-berita yang disampaikan kepada khalayak. Ini dipaparkan dalam perbincangan Bab 4 yang menunjukkan polemik ini ke atas pelbagai isu yang timbul, yang mempersoalkan sikap LSF sebagai rujukan negara untuk mengurus semua penayangan filem di Indonesia. Malahan polemik ini menjadi semakin besar yang membuat jurang komunikasi antara para karyawan filem dengan pihak penguasa berdasarkan satu kes yang terkenal pada masa itu, iaitu penayangan filem LGBT yang tidak melalui penapisan LSF untuk *Filem Festival International*. Hal ini sungguh ironik, kerana LSF dirasai tiada lagi berperanan dalam industri perfileman dengan beredarnya tayangan tersebut. Maraknya filem kini yang memasukkan unsur-unsur lucu dalam setiap filem Indonesia dan kebanyakan para pembuat filem kini membuat filem seram.

Filem merupakan bahagian daripada media, yang semestinya dapat dijadikan pendidikan ke arah pengembangan minda yang bermoral, menjaga etika dan dapat

diambil faedah baiknya dengan menonton filem yang bernuansa baik dan mendidik. Namun hanya kerana tuntutan karya seni dan kepentingan ekonomi semata-mata, seperti halnya pada filem Q! yang bernuansa LGBT, dirasai tidak sesuai dengan budaya masyarakat Indonesia. Apabila dilihat pada sudut pandang politik, kajian ini juga diberi makna sebagai unsur pembentukan imej terhadap kepemimpinan pemerintahan pada masa kini. Ini dapat dilihat pada judul berita “Q! Film Festival Didemo, Penonton Pertanyakan Sikap Pemerintah”, bertarikh 28 September 2010.

Dari segi ekonomi, pembuat filem dianggap hanya mencari keuntungan segera melalui perniagaan perfileman dan mahu mempertahankan kelangsungan syarikat penerbitan dalam era globalisasi kini. Namun apabila dilihat dari sudut pandang budaya, tanpa penapisan dalam penayangan filem, hingga muncul filem LGBT dalam tayangan *Film Festival International* yang diadakan di Indonesia, maka ini seolah-olah memberi bukti bahawa telah wujud sekelompok pengikut dan komuniti LGBT dalam sebahagian kecil masyarakat Indonesia. Melalui filem ini juga justeru didapati adanya pergeseran budaya didalam masyarakat Indonesia, yang bukan menyatukan atau mengembangkan minda masyarakatnya.

Pembingkaian dalam teks berita dapat dianalisis melalui empat struktur antaranya sintaksis, skrip, tematik dan retorik. Oleh itu penting mengetahui dan mengenal pasti pentafsiran apa yang dipaparkan dan hujahan apa yang kelihatan. Dalam kajian mengenai isu-isu penapisan ini didapati pembingkaian ke atas apa yang dibingkai media selama terjadinya perubahan pelbagai isu filem yang disajikan media.

5.3 IMPLIKASI KAJIAN

Seterusnya kajian ini akan didapati implikasinya terhadap teori yang digunakan, kaedah yang digunakan dan implikasinya ke atas media.

5.3.1 Implikasi Terhadap Teori

Kajian ini melihat hubungkaitan dengan teori pembingkaian, yang mana teori ini telah banyak digunakan dalam kajian ilmu komunikasi untuk melihat kepada bagaimana

media mengemaskan sesebuah realiti ke dalam susunan struktur penulisan. Maka teks yang digunakan di dalam draf berita menjadi lebih bermakna mesejnya.

Teori pemingkaian pada kajian ini untuk memfokuskan ke atas kajian pemingkaian berita pada kedua-dua akhbar dalam talian, iaitu *Republika* dan *Kompas*. Teori ini melihat dari sudut bagaimana usaha media mengemas berita. Proses pemingkaian menjadikan media massa sebagai arena yang maklumat pelbagai masalah tertentu dibuat mempunyai minat tersendiri dalam perang simbol antara pelbagai pihak yang juga menginginkan pandangannya didukung pembaca (Sobur 2009:166). Wartawan boleh menerapkan standard kesahihan, objektiviti serta batasan tertentu dalam mengolah dan menyuguhkan berita. Maka pembentukan suatu realiti, wartawan juga cenderung mengikuti pengalaman dan pengetahuannya yang telah mengekal dalam skema pentafsiran tersendiri. Oleh itu wartawan dapat memilih sumber berita, mentafsirkan hujahan-hujahan sumber berita serta memberi tafsiran pada sudut pandang yang berbeza ke atas perspektif yang muncul dalam setiap wacana.

Teori pemingkaian model Pan & Kosicki (1993) ini berjaya diterapkan ke atas pemingkaian yang menjadi isu penapisan filem. Ini membuktikan bahawa teori pemingkaian boleh digunakan untuk melihat ke atas pelbagai kes dalam setiap liputan berita, tidak hanya pada kes politik saja. Oleh itu, pemingkaian pada model ini memang tidak melihat ke atas faktor-faktor lain yang menyebabkan sesebuah peristiwa tersebut terjadi, yang disampaikan dalam berita.

5.3.2 Implikasi Terhadap Kaedah

Semasa khalayak membaca sesebuah berita, biasanya khalayak sebagai pembaca akhbar hanya menerima saja apa yang telah menjadi tulisan wartawan dalam berita tersebut. Padahal sebelum berita tersebut disiarkan kepada khalayak, ianya telah melalui alur proses pemilihan ayat, idea daripada pelbagai pemikiran yang berbeza. Dengan melihat ke atas teori pemingkaian ini, maka telah diketahui bagaimana perspektif mahupun cara pandang yang digunakan oleh wartawan dalam memilih isu dan menulis berita, hingga berita tersebut dibaca kepada para pembaca. Pada asasnya

model analisis pbingkaian (*Model Framing Analysis*) membuat anggapan bahawa ketika membuat atau menyiarkan berita, media massa selalu mempunyai bingkai tertentu yang membuat sesebuah isu dalam berita menjadi kelihatannya semula jadi (*natural*). Bingkai inilah yang cuba dihuraikan ketika berita tersebut dianalisis dengan menggunakan model pbingkaian Pan & Kosicki (1993). Model ini khusus menekankan kepada pemerhatian keempat-empat struktur antaranya sintaksis, skrip, tematik dan retorik. Maka didapati pbingkaian ke atas berita mengenai isu penapisan di Indonesia.

Pbingkaian selalunya dilakukan ke atas kajian liputan berita yang membentuk fakta dalam pemberitaannya. Pbingkaian digunakan media untuk menonjolkan mahupun memberikan penekanan kepada aspek tertentu sesuai dengan kepentingan media (Kriyantono 2006:252, dalam Moleong 2007). Apabila mbingkai sesebuah berita mesti ada bahagian tertentu yang lebih penting seterusnya disimpan dan juga ada bahagian yang dibuang dengan mengesampingkan bahagian lain. Ini bermakna sesuatu berita tersebut tidaklah wujud begitu saja tanpa adanya proses pemilihan ayat yang menjadi bermakna.

Seterusnya melalui pbingkaian teks berita menjadi mesej yang lebih bermakna, menarik serta mudah diingat oleh khalayak. Ini memunculkan pelbagai pentafsiran ke atas khalayak terhadap persepsi yang telah dibingkai dan yang ingin dibentuk oleh media. Apabila memahami makna dalam mesej tersebut khalayak mesti memahami realiti yang diwacanakan, serta memahami mesej yang cuba diungkapkan. Penggunaan kaedah pbingkaian kajian ini dengan pemerhatian ke atas keempat-empat peranti pbingkai menurut model Pan & Kosicki (1993): sintaksis, skrip, tematik dan retorik, telah membentuk tema yang menghubungkan unsur-unsur mengisahkan berita menjadi suatu cerita koheren yang global.

5.4 BATASAN KAJIAN

Penelitian kajian ini terhad hanya kepada analisis teks media saja, tanpa meneliti faktor lainnya yang dapat mempengaruhi agenda pemberitaan media. *Republika* dan *Kompas* sebagai media nasional ternyata mempunyai pandangan yang berbeza dalam

menangani isu pemberitaan penapisan dalam industri perfileman di Indonesia. Kaedah kajian dalam penelitian ini menggunakan satu model daripada pelbagai model pembedakan lain, iaitu model Pan & Kosicki (1993), iaitu penekanan yang lebih kepada pembahasan struktur bahasa yang mikro.

Berhubungkait dengan sikap media massa terhadap polemik pemberitaan isu penapisan filem dan isu-isu cabarannya dalam industri filem di Indonesia, tidak menutup kemungkinan pola yang digunakan oleh media massa menjadi berbeza dalam memberitakan kes lainnya. Oleh itu kajian ini adalah bagi membandingkan peristiwa yang berterusan, dengan babak yang sama dan model pemberitaan yang banyak menggunakan kutipan daripada pelbagai dialog dengan temu bual pendapat daripada tokoh-tokoh yang berkepentingan. Peranti pembedakan model Pan & Kosicki (1993) ini pada analisis struktur skrip dan sintaksis telah melihat perbezaan antara akhbar dalam talian *Republika* dan *Kompas* yang diperbandingkan.

5.5 CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Kajian yang telah dilakukan ini lebih berfokus pada pembedakan berita dalam media massa dengan menerokai struktur analisis menurut model pembedakan Pan & Kosicki (1993) sebagai unit analisis ke atas isu penapisan dalam industri perfileman. Tempoh kajian ini dilakukan selama enam bulan, bermula pada pertengahan Julai hingga Disember 2010, berita yang diamati khusus kepada pemilihan berita yang kontra pada masa itu yang berkaitan. Kajian ini lebih kepada proses mesej yang dibingkai dalam pemberitaan media massa dengan membandingkan kedua-dua akhbar yang berbeza ideologi. Polemik yang dihadapi industri perfileman di Indonesia pada masa enam bulan tersebut, khususnya mempersoalkan kepada prestasi kerja penapisan filem di Indonesia telah kelihatan jelas dalam huraian unit analisis kajian ini. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar dibuat kajian ke atas industri perfileman di Indonesia. Maka peranan prestasi kerja lembaga penapisan ini akan lebih diperluas lagi ruang lingkup beritanya, bagi mengembangkan dan membuka wacana ke atas khalayak, bahawa pentingnya berfikiran kritikal terhadap filem untuk kebaikan dan pengembangan industri perfileman.

Selain itu dicadangkan juga kepentingan peranan penapisan filem baik yang dilakukan oleh pemerintah, para penggiat filem dan masyarakat Indonesia dalam memberi kawalan ke atas pengembangan filem. Ini disebabkan banyaknya para penggiat filem yang dipengaruhi budaya luar sama ada kesan daripada globalisasi. Kajian ini pun diharapkan dapat menambah khazanah bagi para pengkaji ulasan berita, khususnya mengenai berita perfileman.

5.6 PENUTUP

Berdasarkan kesimpulan daripada bab-bab sebelumnya didapati perbezaan yang signifikan dalam menyusun berita dan memberi makna pada teks berita, dengan melakukan pemerhatian dari sudut pandang yang berbeza dalam membingkai sesebuah berita. Ulasan literature yang membahas mengenai sistem penapisan daripada luar negara Indonesia ini dapat menjadi penyokong dan menjadi panduan kajian ini bagi menjawab permasalahan yang terjadi dalam industri perfileman di Indonesia. Implikasi pemaparan teori dan kaedah telah membawa teori pembeda dalam menerokai bagaimana fenomena peranan LSF sebagai lembaga penapisan di Indonesia dikemas oleh media. Seterusnya kajian sebelumnya yang menggunakan teori pembeda model Pan & Kosicki (1993) dan model pembeda lainnya, digunakan untuk menyokong implikasi terhadap kaedah yang digunakan dalam menganalisis pemberitaan kedua-dua akhbar tersebut.

Keseluruhan data yang telah dimasukkan dan telah diolah untuk dianalisis, mendapati semua proses pembuatan berita pada teks-teks yang diberi makna mampu ditafsirkan mengikut struktur pembeda model Pan & Kosicki (1993) dalam kajian ini. Maka kajian ini berjaya melihat kewujudan pembeda yang ada pada kedua-dua akhbar dalam talian *Republika* dan *Kompas*. Pada masyarakat awam, mesej yang disampaikan dalam berita akan dinilai sebenar dan diberi makna sebagai pembelajaran ke atas minda yang penuh objektif. Namun akan menjadi berbeza dengan golongan yang memahami aktiviti kewartawanan mahupun pengkaji media massa, iaitu filem dan berita akhbar.

RUJUKAN

- Amadeo, B. 2002. *Framing, Adgenda Setting and Priming : Different Answer To Different Questions*. Universidad De Buenos Aires, Conicet, Argentina.
- Ball-Rokeach, S. & Cantor, M. 1986. Introduction: The Media and Social Fabric. Dlm. S. Ball-Rokeach & M. Cantor (Pnyt), *Media, Audience, and Social Structure*. Newbury Park, CA: Sage. p.10-20.
- Barzilai-Nahon, K. 2008. *Gatekeeping : A Critical Review*. Annual Review of Information Science and Technology.
- Berry, J.W. 2008. Globalization and Acculturation. *International Journal of Intercultural Relations* **32**:328-336.
- Berger, P.L. & Luckmann, T. 1979. *The Social Construction of Reality: A Treatise In The Sociology of Knowledge*. Harmondsworth, Penguin Books.
- Blommaert, J. & Van Der Donckt, L. 2002. African Literature and Globalization: Semiotizing Space In Tanzanian Novel. *Journal of African Cultural Studies* **15**(2).
- Bose, N. 2009. The Hindu Right and The Politics of Censorship : Three Case Studies of Policing Hindi Cinema, 1992-2002. *The Velvet Light Trap* **63**(24).
- Brennan, J.R. 2005. Democratizing Cinema and Censorship in Tanzania, 1920-1980. *International Journal of African Historical Studies* **38**(3):486.
- Chan, J.S. 2004. Refashioning Womanhood In 1990s Taiwan: An Analysis of the Taiwanese Edition of "Cosmopolitan" Magazine. *Modern China* **30**(3).
- Chang Peng Kee, Fauziah Ahmad & Wan Amizah Wan Mahmud. 2009. Indigenising Framing Knowledge From Content – Analysing The Weblog Frames Built On Chedet.com. *Malaysian Journal Communication* **26**:47-61.
- Cheng, K.G. & Barker, T. (pnyt.). 2010. *Mahu Dibawa Ke Mana Perfilman Kita? Beberapa Wacana Seputar Filem Indonesia*. Terj : EkkyImanjaya. Indonesia : Salemba Humanika Pustaka.
- Cheng, K.G. & Barker, T. 2010. Asian Cinema Special Issue: Indonesian Cinema Today. *Asian Cinema Journal* **21**(2).
- Clifford, G.C., Fackler, M., McKee, K.B., Kreshel, P.J. & Woods, R.H, Jr.. 2009. *Media Ethics: Cases and Moral Reasoning*. Ed.8. Boston:Pearson.
- Crane, D., Kawashima, N. & Kawasaki, K. 2002. *Global Culture.: Media, Arts, Policy, and Globalization*. New York : Routledge Publication.

- Deetz, S.A., Tracy, S.J. & Simpson, J.L. 2000. *Leading Organizations Through Transition : Communication And Cultural Change*. Sage Publications, Inc. Thousand Oaks, California.
- Eriyanto. 2002. *Analisis Framing, Konstruksi, Ideologi dan Politik Media*. Yogyakarta: LKIS.
- Garcia, M.M. 2010. Perception Is Truth : How Elite US Newspaper Framed The “Go Green” Conflict Between BP and Greenpeace. University of Missouri, Columbia. *Perception Is Truth* p.1-15.
- Grieverson, L. 2004. *Policing Cinema : Movies and Censorship in Early-Twentieth-Century America*. Berkeley and Los Angeles : Univeristy of California Press. Review of Books American Historical Review.
- Groshek, J. 2008. Coverage Of The Pre Iraq War Debate as A Case Study of Frame Indexing. *Media, War and Conflict* **1**(3):315-338.
- Hutchinson, R. 2007 Censorship In the Japanese Arts Introduction. *Japan Forum* **19**(3):269-280.
- Jin, D.Y. 2006. Cultural Politics in Korea’s Contemporary Films Under Neoliberal Globalization. *Media, Culture and Society* **28**:5-23.
- Kracauer, S. 1952. The Challenge of Qualitative Content Analysis. *The Public Opinion Quarterly* **16**(4).
- Leslie, D.A. 1995. Global Scan: The Globalization of Advertising Agencies, Concepts, and Campaigns. *Economic Geography* **71**(4).
- Leeuwen, V.T & Jewitt, C. 2001. *The Handbook of Visual Analysis*. London: Sage Publication.
- Littlejohn, S.W., & Foss, K.A. 2008. *Theories of Communication*. Belmont, CA: Thomson Wadsworth.
- Listerman, T. 2008. Framing of Science Issues In Opinion Leading News : International Comparison of Biotechnology Issue Coverage. *Public Understanding of Science* **1**:1-11.
- Mankekar, P. 2004. Dangerous Desires: Television and Erotics in Late Twentieth-Century India. *The Journal of Asian Studies* **63**(2).
- Moleong, L.J. 2007. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Penerbit Rosda.
- Mrazek, R. 2006. *Engineers of Happy Land : Perkembangan Teknologi dan Nasionalisme di Sebuah Koloni*. Edisi 1. Bre Redana (Pnyt.), Terj. Hermojo.
- McQuail, D. 2000. *McQuail’s Mass Communication Theory 4th Edition*. London: Sage Publications.

- Mus Chairil Samani. 1992. Sumber Berita : Analisis Isi Kandungan Empat Akhbar Harian Nasional Malaysia. *Jurnal Komunikasi* **8**:49-63.
- Pan, Z. & Kosicki, G.M. 1993. Framing Analysis : An Approach to News Discourse. *Political Communication* **10**(1):55-57.
- Park, S.H. 2002. Film Censorship And Political Legitimation In South Korea, 1987-1992. *Journal Film* **42**(1):120.
- Rabinow, P. 1997. "Ethics" of "Essential Works of Foucault". *The New Press* vol.1.
- Reese, S.D & Lewis, S.C. 2009. Framing The War On The Terror : The Internalization of Policy In The US Press. *Journalism Article* **10**(6):777-797.
- Romli, ASM. 2003. *Jurnalistik Terapan*. Batic Press Bandung. www.romeltea.com
- Severin, W. & Tankard, J. 2001. *Communication Theories: Origins, Methods, Uses*. New York : Longman.
- Sobur, A. 2009. *Analisis Teks Media : Suatu Pengantar Untuk Analisis Wacana, Analisis Semiotik, dan Analisis Framing*. Bandung:PT Remaja Rosdakarya
- Smith, J. 2008. Reflection. *Nursing Standard article* **22**:52.
- Smith, R.W. 1998. *Civility Without Sencorship :The Ethics of Internet – Cyberhate*. Vital Speeches of The Day. LosAngeles, California.
- Taneko, S. 1994. *Struktur Sosial*. Jakarta : Bina Aksara.
- Theberge, P. 2004. The Network Studio: Historical and Technological Paths To a New Ideal in Music Making. *Social Studies of Science* **34**(5).
- Tomlinson, J.B. 2000. *Globalization and Culture*.Chicago University Press.
- Tuchman, G. 1980. *Making News:A Study In the Construction of Reality*. New York: The Free Press
- Van Heeren, K. 2007. Return of the Kyai:Representations of Horror, Commerce and Censorship In Post-Suharto Indonesian Film and Television. *Inter-Asia Cultural Studies* **8**(2).
- Vickers, A. 2004. The Classics in Indonesian Studies: J.S Furnivall's *Netherlands India*. *Centre for Asia Pacific Social TRANSformation Studies*. Faculty of Arts.University of Wollongong. The 15th Biennial conference of the Asian Studies Association of Australia, Canberra.
- Wan Amizah Wan Mahmud. 2010. Sumbangan Kesarjanaan Dalam Perkembangan Dasar dan Sistem Penapisan Filem di Malaysia. *SEBUMI International Seminar :Generating Integrated Knowledge Towards Sustainable Research and Academic Excellence*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wan Amizah WM, Chang Peng Kee & Jamaluddin Aziz. 2009. Film Censorship In Malaysia: Sanctions of Religious Cultural and Moral Values. *Malaysian Journal of Communication* **25**: 42-49.

Wimmer, D.R. & Dominick, J.R. 2003. *Mass Media Research : an Introduction Seventh Ed.* Thomson Wadsworth.

Wu, H.& Chan, JM. 2007. Globalizing Chinese Martial Arts Cinema: The Global-Local Alliance and The Production of "Crouching Tiger, Hidden Drgaon". *Journal of Media, Culture and Society* **29**(2).

Yang, J. 2003. Framing The Nato Air Strikes On Kosovo Across Countries : Comparison of Chinese and US Newspaper Coverage. *Gazette : The International Journal For Communication Studies* **65**(3):231-249.

Bahan Tidak Terbit

Asiah Sarji & Wan Amizah Wan Mahmud. 13 November 2010. Budaya Pasca Moden : Cabaran Penapisan Filem di Malaysia. Conference of Film Censorship Malaysia, Minister of Internal Affairs. Port Dickson Negeri Sembilan Malaysia. Unpublished.

Aubuchon, J.D. 2005. Framing Analysis of the 2004 Student Government Election At The University of Florida In A College Media Setting. Master Thesis of University of Florida.

Dudo, A.D. 2005. An Environmental Controversy : How Newspapers Framed Coverage Of The Bush Administration's Proposal To Drill For Oil And Natural Gas In The Arctic Natural Wildlife Refuge. Master Thesis of University Delaware.

Laman Sesawang

Michaels, A.S. 2004. Webmaster@e-competitors.com copyright. [10 Oktober 2010]

Syamsudin, D. 2008. <http://www.erasuslim.com/berita/nasional/meski-sering-kecolongan-lsf-dibutuhkan-untuk-menjaga-moral-bangsa.htm>. [1 Disember 2010]

Sterriitt, D. 2009. Film Criticism, Scholarship, Reviews. <http://www.davidsterritt.com/> [1 Januari 2010]

UU No.8 Tahun 1992 & UU No.33 Tahun 2009. www.lsf.go.id [1 November 2010]

<http://republika.co.id:8080/halaman/174> [1 November 2010]

<http://www.kompas.com/>. [1 November 2010]

